

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Oktober
1 ¼ jam

UJIAN DIAGNOSTIK 2 SPM 2020
TINGKATAN 5 2020

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

- 1 Encik Aidil seorang akauntan telah bersetuju dengan salah seorang ahli lembaga pengarah untuk menggunakan duit syarikat bagi kepentingan peribadi

Berdasarkan pernyataan di atas, kod etika profesional perakaunan manakah yang tidak dipatuhi oleh beliau.

- A Integriti
 - B Objektiviti
 - C Kerahsiaan
 - D Kompetensi
- 2 Syarikat Pembinaan Maju Sdn Bhd. bercadang untuk membuka kawasan perumahan baru yang berkonsepkan kelestarian alam sekitar di Bandar Baru Ayer Keroh. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan telah meminta pengurus projek khas dan seorang akauntan untuk membuat penilaian bagi projek tersebut. Apakah andaian, prinsip dan batasan perakaunan yang menerangkan situasi di atas?
- A Pengiktirafan hasil dan belanja
 - B Entiti berasingan
 - C Kos manfaat
 - D Ketekalan
- 3 Manakah merupakan hasil bukan operasi bagi Koperasi SMK Bukit Baru Melaka?
- A Jualan
 - B Diskaun diterima
 - C Komisen diterima
 - D Dividen pelaburan

- 4 Urus niaga berikut berlaku dalam Kedai Pakaian Zaman Enterprise.

Membuat bayaran dengan cek sebanyak RM2 450. Terima diskaun RM50

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan Kedai Pakaian Zaman Enterprise?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	(2 500)	(2 450)	(50)
B	(2 450)	(2 500)	+50
C	(2 500)	(2 500)	-
D	(2 450)	(2 450)	-

- 5 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Buku Fildza

SALINAN	KEDAI BUKU FILDZA SUNGAI UDANG, 76300 MELAKA	A 021	
INVOIS			
Kepada: En Joshua Jitai		7 Julai 2020	
Kuantiti	Butir	Harga seunit	Jumlah RM
100	Buku tulis	5.00	500.00
150	Kertas pendua, geometri	6.00	900.00
500	Kad manila	0.40	<u>200.00</u>
			1 600.00
	Tolak diskaun niaga 10%		160.00
	Jumlah		1 440.00

Ringgit: Satu ribu empat ratus empat puluh sahaja

Fildza
Pengurus

K. & K di K

Apakah tujuan dokumen di atas disediakan?

- A Penjualan barang secara kredit oleh Kedai Buku Fildza
- B Pembelian barang secara kredit oleh Kedai Buku Fildza
- C Pemulangan barang oleh Kedai Buku Fildza kepada En Joshua Jitai
- D Pemulangan barang oleh En Joshua Jitai kepada Kedai Buku Fildza

6 Apakah kegunaan Baucar Tunai Runcit?

- A Merekod penjualan barang niaga secara tunai
- B Merekod pembelian barang niaga secara tunai
- C Merekod perbelanjaan tunai dalam amaun yang kecil
- D Merekod pembelian Aset Bukan Semasa secara tunai

7 Urus niaga manakah direkod ke dalam Jurnal Am?

- A Menyimpan wang ke dalam bank
- B Membeli barang niaga secara tunai
- C Memulangkan barang kepada pembekal
- D Membawa masuk perabot ke dalam perniagaan

8 Berikut merupakan urus niaga yang diambil daripada buku perakaunan Kedai Runcit Syasya Qistina.

1 Julai 2020 : Menghantar invois bernilai RM2 000 kepada Catherine Goo
5 Julai 2020 : Catherine Goo memulangkan barang yang rosak bernilai RM330

Apakah jurnal yang digunakan untuk merekod urus niaga di atas?

- I Jurnal Belian
 - II Jurnal Pulangan Keluar
 - III Jurnal Jualan
 - IV Jurnal Pulangan Masuk
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 9 Apakah yang dimaksudkan dengan istilah kontra dalam Buku Tunai?
- A Memindahkan tunai dari pejabat ke bank
 B Mengurangkan jumlah wang tunai dan bank
 C Mengeluarkan wang tunai untuk kegunaan sendiri
 D Memasukkan wang daripada hasil jualan ke dalam bank
- 10 Lejar terbahagi kepada dua jenis iaitu Lejar Am dan Lejar Khas. Apakah kelebihan pembahagian lejar ini?
- A Memastikan Imbangan Duga seimbang
 B Memudahkan peniaga mengesan kesilapan
 C Memudahkan penyediaan Penyata Kewangan
 D Memastikan kerja-kerja mengimbang lejar dilakukan
- 11 Maklumat berikut di ambil daripada rekod perakaunan Pembekal Mansor Sdn. Bhd.

Menjual barang niaga RM4 500 secara kredit kepada Perniagaan Iqbal
--

Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Debit	Kredit
A	Perniagaan Iqbal	Jualan
B	Inventori	Jualan
C	Jualan	Inventori
D	Jualan	Perniagaan Iqbal

- 12 Berdasarkan Jurnal Am di bawah, catatan dalam Akaun Kawalan manakah yang betul?

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Ogos 29	Fatimah Enterprise Diskaun diberi (merekod diskaun diberi dibatalkan)	120	120

A Akaun Kawalan Belum Bayar			
			RM
2020			
Ogos 31	Diskaun Diberi	120	

B Akaun Kawalan Belum Bayar			
			RM
2020			
Ogos 31	Diskaun Diberi	120	

C Akaun Kawalan Belum Terima			
			RM
2020			
Ogos 31	Diskaun Diberi	120	

D Akaun Kawalan Belum Terima			
			RM
2020			
Ogos 31	Diskaun Diberi	120	

13 Kad inventori berikut diperoleh daripada Perniagaan Julia pada 30 September 2019.

No kad Inventori	Nilai pada harga kos	Nilai pada harga pasaran
	RM	RM
1	4 700	4 800
2	3 100	2 980
3	5 210	5 320
4	8 200	8 350

Berapakah nilai inventori pada 30 September 2019?

- A RM21 090
- B RM21 210
- C RM21 450
- D RM21 570

- 14 Salun Amira menawarkan perkhidmatan kecantikan dan dandanan diri di Jasin, Melaka.

Apakah butiran yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi salun tersebut?

- A Angkutan masuk, gaji pekerja dan jualan
 - B Kadar bayaran, promosi dan sewa kedai
 - C Inventori akhir, insurans dan alat tulis
 - D Belanja am, duti import dan upah
- 15 Berikut adalah ciri-ciri Perakaunan Asas Tunai **kecuali...**
- A hasil sebenar tolak belanja sebenar
 - B direkodkan apabila penerimaan diterima
 - C direkodkan apabila pembayaran dilakukan
 - D melibatkan hasil belum terima dan belanja prabayar
- 16 Maklumat berikut diambil daripada buku Destini Enterprise.

	1 Januari 2019	31 Disember 2019
	RM	RM
Komisen belum terima	100	280
Komisen belum terperoleh	350	640

Maklumat tambahan:

Menerima komisen RM2 800 dengan cek pada 28 Disember 2019.

Berapakah komisen diterima bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

- A RM2 330
- B RM2 690
- C RM2 910
- D RM3 270

- 17 Berikut adalah petikan Imbangan Duga daripada Perniagaan Rampai Sari.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2020 (Petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	35 000	
Peruntukan hutang ragu		1 600

Selepas penyediaan Imbangan Duga seorang penghutang telah diisytiharkan muflis dan hutangnya sebanyak RM900 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Jika peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 3% atas Akaun Belum Terima bersih, berapakah hutang ragu yang perlu direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A Belanja bertambah RM577
 B Belanja bertambah RM550
 C Hasil bertambah RM577
 D Hasil bertambah RM550
- 18 Promate Enterprise membeli sebuah van bernilai RM36 000. Penggunaan van dijangka selama 8 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap van dianggarkan sebanyak RM5 000.
- Berapakah susut nilai tahunan van tersebut?
- A RM3 875
 B RM4 500
 C RM5 000
 D RM5 125

19 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Buku Iqra' pada 30 April 2020.

	RM
Mesin (kos)	40 000
Susut nilai terkumpul mesin	8 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM35 500 pada 30 April 2020.

Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi pelupusan RM3 500
- B Rugi pelupusan RM4 500
- C Untung pelupusan RM3 500
- D Untung pelupusan RM4 500

20 Maklumat berikut diambil daripada rekod perakaunan Perniagaan Setia.

Pemilik telah mengambil barang niaga RM1 000 untuk didermakan kepada Pertubuhan Kebajikan dan belum direkod dalam mana-mana buku perakaunan.

Apakah kesan terhadap untung rugi dalam Penyata Kewangan selepas kesilapan urus niaga tersebut dibetulkan?

	Untung Kasar	Untung Bersih
A	Bertambah	Tiada kesan
B	Bertambah	Berkurang
C	Berkurang	Tiada kesan
D	Berkurang	Bertambah

21 Nisbah ini mengukur untung kasar yang diperolehi daripada setiap ringgit jualan bersih. Apakah nisbah tersebut?

- A Pulangan atas modal
- B Margin untung kasar
- C Peratus untung bersih atas jualan
- D Peratus untung kasar atas kos jualan

- 22 Maklumat di bawah diperoleh daripada buku perakaunan Kedai Kemuning bagi tahun berakhir 31 Mac 2020.

	RM
Inventori pada 1 April 2019	5 600
Inventori pada 31 Mac 2020	3 850
Belian	45 720
Jualan	65 260

Maklumat tambahan :

Nota kredit bernilai RM270 yang diterima daripada pembekal telah tertinggal rekod.

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan?

- A 36.91%
- B 37.48%
- C 38.26%
- D 49.34%
- 23 Apakah kesan rekod tak lengkap kepada sesebuah perniagaan?
- A Untung atau rugi tidak tepat
- B Prestasi perniagaan semakin merosot
- C Persaingan perniagaan akan berkurangan
- D Penyata Kedudukan Kewangan tidak dapat disediakan
- 24 Butiran manakah yang harus dipertimbangkan semasa membuat pengiraan untung bersih perniagaan menggunakan kaedah perbandingan?
- I Hutang lapuk
- II Hutang ragu
- III Modal awal
- IV Ambilan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Li An yang gagal mengamalkan sistem catatan bergu.

	RM
Baki Akaun Belum Bayar 1 Januari 2019	15 500
Baki Akaun Belum Bayar 31 Disember 2019	26 100
Belian kredit	62 500
Pulangan keluar	2 300
Diskaun diterima	800

Berapakah jumlah pembayaran kepada Akaun Belum Bayar bagi tahun berakhir 31 Disember 2019?

- A RM48 800
B RM55 000
C RM70 000
D RM101 000
- 26 Berikut ialah aspek kawalan dalam pengendalian tunai. Manakah yang berkaitan?
- I Penyata bank
II Belanjawan tunai
III Pengasingan tugas
IV Pendokumentasian
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

27 Apakah butiran yang direkod dalam Buku Tunai yang diikemaskini?

- I Caj bank
 - II Pindahan kredit
 - III Cek yang belum dikemukakan
 - IV Deposit yang belum dikreditkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28 Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Perniagaan Eco Hil bagi tiga bulan berakhir 31 Julai 2020.

Jualan bulan Mei adalah RM10 000. Hasil jualan dijangka meningkat sebanyak 10% daripada bulan sebelumnya.

Berapakah jumlah jualan pada bulan Julai 2020?

- A RM 11 000
- B RM 12 000
- C RM 12 100
- D RM 13 200

29 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar tentang peruntukan Akta Perkongsian 1961?

- I Faedah akan dibayar ke atas modal pekongsi
 - II Untung dan rugi akan dibahagi mengikut nisbah modal
 - III Pinjaman daripada pekongsi tertakluk kepada kadar faedah 8%
 - IV Tiada pekongsi berhak mendapat gaji kerana menguruskan perniagaan perkongsian
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 30 Sofea adalah rakan kongsi di dalam satu perkongsian. Beliau menerima gaji RM7 000. Pada pertengahan tahun, beliau telah dibayar gaji sebanyak RM5 000.

Catatan bergu manakah merujuk kepada penyataan di atas?

	Debit	RM	Kredit	RM
A	Akaun Pengasingan Untung Rugi	2 000	Akaun Semasa Sofea	5 000
B	Akaun Pengasingan Untung Rugi	7 000	Akaun Semasa Sofea	2 000
C	Akaun Semasa Sofea	5 000	Akaun Pengasingan Untung Rugi	7 000
D	Akaun Semasa Sofea	2 000	Akaun Pengasingan Untung Rugi	5 000

- 31 Dalam Penyata Kedudukan Kewangan perniagaan perkongsian, bahagian ekuiti pemilik terdiri daripada ...

- A Rugi bersih
- B Untung bersih
- C Modal pekongsi
- D Ambilan pekongsi

32

Akaun Realisasi (petikan)

	RM		RM
Perabot	4 000	Bank	44 000
Kenderaan	35 000	Bank	1 200
Inventori	3 200		
Akaun Belum Terima	1 350		
Modal Akim (3/5)	X		
Modal Amir	660		

Berapakah nilai **X**?

- A Rugi Realisasi RM990
- B Untung Realisasi RM990
- C Rugi Realisasi RM1 650
- D Untung Realisasi RM1 650

- 33 Jumlah syer yang ditawarkan kepada orang awam dan telah dibayar penuh oleh pemegang syer sesebuah syarikat berhad dikenali sebagai ...
- A Modal berbayar
 B Modal diterbitkan
 C Modal belum diterbitkan
 D Modal diterbitkan dan berbayar penuh
- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Cemerlang Berhad.

- Pada 1 Januari 2020, syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.50 sesyer
- Pada 31 Januari 2020, semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh
- Pada 1 Ogos 2020, syarikat memutuskan untuk membayar dividen interim untuk pemegang Syer Keutamaan

Berapakah jumlah dividen interim Syer Keutamaan?

- A RM120 000
 B RM70 000
 C RM60 000
 D RM50 000
- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Pertukangan Kreatif.

	1 Januari 2019 RM	31 Disember 2019 RM
Yuran belum terperoleh	315	385
Yuran belum terima	157	105

Ringkasan penerimaan Kelab Pertukangan Kreatif bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut.

Penerimaan	RM
Yuran masuk	5 234
Yuran ahli	10 085

Berapakah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2019?

- A RM9 963
- B RM10 207
- C RM15 197
- D RM15 441

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Cinta Cakerawala yang menjalankan aktiviti mencerap bintang dan menyediakan perkhidmatan kafe untuk ahlinya.

Kelab Cinta Cakerawala
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2020
(petikan)

	RM		RM
Gaji	12 000	Yuran pendaftaran	1 200
Susut nilai alatan	1 000	Yuran ahli	18 760
Utiliti	960	X	2 450

Apakah **X**?

- A Jualan
 - B Lebihan
 - C Untung kafe
 - D Untung bersih
- 37 Dalam penyediaan Akaun Pengeluaran, royalti akan dimasukkan ke dalam komponen...
- A Kos Overhed
 - B Kos Buruh Langsung
 - C Kos Bahan Langsung
 - D Kos Belanja Langsung

- 38 Pernyataan yang manakah **TIDAK BENAR** tentang Kos Pengeluaran?
- A Kos Pengeluaran = Kos Prima + Kos Overhed
- B Kos Pengeluaran = Belanja Langsung + Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Kos Overhed
- C Kos Pengeluaran = Kerja Dalam Proses Awal + Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Kos Overhed + Kerja Dalam Proses Akhir
- D Kos Pengeluaran = Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Bahan Langsung + Kos Overhed + Kerja Dalam Proses Awal – Kerja Dalam Proses Akhir
- 39 Kilang Tekstil Mewah beroperasi di Kawasan Perindustrian Cheng. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Disember 2019.

	RM
Jualan	100 000
Kerja dalam proses awal	6 780
Kerja dalam proses akhir	6 540
Buruh langsung	6 360
Kos bahan langsung digunakan	12 840
Kos overhed	12 860

Berapakah kos pengeluaran Kilang Tekstil Menawan?

- A RM31 820
- B RM32 300
- C RM67 700
- D RM68 180

- 40 Jadual berikut menunjukkan maklumat operasi Perusahaan Udang Sangkar untuk tahun 2018 dan 2019.

Tahun	2018	2019
Unit	45 000	46 000
Jumlah kos RM)	107 500	109 000
Jumlah jualan (RM)	112 500	115 000

Berapakah Kos Berubah seunit?

- A RM1.50
- B RM2.50
- C RM5.00
- D RM6.00

KERTAS SOALAN TAMAT